

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN
PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK
DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA
26HB JULAI, 1974

Y.B. Datuk Abdullah Salleh, President PPTD, Dif-dif terhormat,
Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih bagi pihak isteri saya dan saya sendiri atas jemputan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik untuk menghadiri majlis yang permai pada malam ini. Meskipun dalam kesibukan sidang Parlimen dan hal-hal lain, saudara-saudara masih dapat mengadakan majlis keraian ini sebagai satu tradisi dan saya harap akan dapat diteruskan juga dari tahun ke tahun dengan jayanya.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang dikatakan oleh Datuk Presiden tadi, tujuan kita mengadakan majlis ini ialah untuk menjalin perhubungan yang lebih erat dalam suasana persefahaman dan kemesraan di antara sesama anggota perkhidmatan ini dan juga menunjukkan "solidarity" dalam perkhidmatan. Saya lihat ramai antara yang hadir datang dari jauh yang menunjukkan azam serta minat saudara-saudara terhadap PPTD ini. Tidak syak lagi pimpinan PPTD yang bertukarganti akan berusaha mengadakan majlis yang semeriah ini pada masa yang akan datang.

Saya juga ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih atas ikrar taat setia dan sokongan daripada seluruh anggota perkhidmatan kepada Kerajaan yang saya pimpin hari ini. Saya percaya dengan adanya perasaan tanggungjawab serta dedikasi di kalangan pegawai-pegawai semua akan bertambah keyakinan Kerajaan bahawa matalamat-matalamat pembangunan negara kita akan dapat dicapai dengan penuh kejayaan. Dalam pada itu saudara-saudara tentulah maklum iaitu tidak lama lagi Kerajaan saya akan meminta mandat baru dari rakyat dan saya percaya PPTD akan memberikan sepenuh sokongan kepada Kerajaan yang baru itu kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Memanglah benar Persatuan ini, tegasnya pegawai-pegawai PTD mempunyai peranan penting dalam masyarakat. Sebagai perkhidmatan yang mendukung kepercayaan Kerajaan membentuk dan melaksanakan dasar-dasar Negara, pegawai-pegawai PTD mempunyai tanggungjawab yang paling berat mengendalikan jentera pentadbiran Kerajaan. Saya gembira saudara-saudara semua bersedia menerima segala tanggungjawab dan cabaran-cabaran itu dengan penuh dedikasi dan dengan baiknya. Bahkan kejayaan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan selama ini adalah hasil dari penggembelangan tenaga semua golongan perkhidmatan di negara ini di bawah pimpinan perkhidmatan PTD.

Dalam ucapannya tadi, Presiden telahpun menghuraikan bidang kerja dan aktiviti yang sedang diuruskan oleh Jawatankuasa Kerja PPTD. Saya bersetuju bahawa *reason d'etre* Persatuan ini ialah untuk menjaga kepentingan ahli-ahlinya dan mengawasi peraturan-peraturan perkhidmatan supaya semua pegawai PTD menerima "fair deal". Begitu juga amatlah mustahak adanya hak sama di antara pegawai-pegawai PTD di semua peringkat untuk menjalankan kegiatan-kegiatan bersama di mana seniority seseorang itu diketepikan dalam hal-hal urusan Persatuan.

Kita semua maklum, Persatuan ini menjalankan aktiviti-aktiviti penting yang sudah tentunya membawa munafaat kepada ahli-ahli Persatuan dan juga mereka yang belum menjadi ahli. Jadi amatlah baik bagi semua memberi sokongan kepada PPTD dan bersama-sama memikul tanggungjawab memajukannya. Lazimnya ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan yang juga sibuk dengan tugas masing-masing mengorbankan masa untuk mengatur program-program untuk ahli-ahli Persatuan dan mencari penyelesaian kepada masalah-masalah mereka itu. Jadi sepatutnya ahli-ahli sekalian mengambil berat tentang perjalanan PPTD, terutama ahli-ahli yang muda, dan tidak mengharapkan satu kumpulan sahaja.

Pada hemat saya, aktiviti-aktiviti tersebut amatlah baik terutamanya usaha-usaha yang berkaitan dengan menambahkan pengetahuan dan pengalaman ahli-ahli Persatuan agar meninggikan lagi kebolehan mereka dan mutu perkhidmatan mereka. Saya juga sukacita mendapat tahu dan turut menggalakkan usaha Persatuan ini dalam bidang kebajikan dan pembangunan masyarakat. Sebagai

Persatuan yang ahli-ahlinya terdiri daripada golongan terpelajar serta mempunyai kedudukan yang disegani dalam masyarakat patut benarlah ahli-ahli Persatuan ini memberikan perhatian berat kepada orang-orang kita yang kurang bernasib baik dan serba kekurangan itu. Kita sedia maklum Kerajaan memang menjalankan langkah dan usaha yang demikian, bagaimanapun Kerajaan masih mengharapkan bantuan tenaga dan kerjasama orang ramai terutama dari golongan yang berada menerusi pertubuhan-pertubuhan sukarela supaya menggembelingkan tenaga untuk menjayakan matalamat pembangunan masyarakat dan negara.

Sesungguhnya saya lebih suka melihat ramai lagi pegawai-pegawai Kerajaan melibatkan diri dan memberi pimpinan kepada masyarakat tempatan dalam kegiatan-kegiatan sosial, kebajikan, sukan dan seumpamanya. Pegawai-pegawai PTD khasnya perlulah memberi pimpinan ini dengan tujuan menanam dan meninggikan semangat kemasyarakatan dan kewarganegaraan di kalangan masyarakat di mana mereka bertugas supaya menjadikan mereka sedar dan insaf akan tanggungjawab dalam masyarakat.

Begitu juga kegiatan-kegiatan untuk menambah pengalaman dan pengetahuan ahli-ahli Persatuan eloklah diteruskan terutama bagi munafaat pegawai-pegawai muda yang baru masuk berkhidmat. Saya suka menegaskan di sini bahawa pentadbiran bukanlah cuma mengurus dengan fail-fail di Pejabat ataupun bermesyuarat sahaja, bahkan lebih penting hubungan langsung dengan rakyat di luar masa pejabat. Dalam majlis seperti inipun saya fikir tentu ada di antara saudara-saudara yang membincangkan masalah-masalah pentadbiran yang baru timbul untuk mencari huraiannya. Pernah dikatakan "The British rule the country from the club". Saya tidaklah mencadangkan berbuat demikian "literally".

Adalah penting menjalin perhubungan antara pegawai-pegawai Kerajaan di luar waktu pejabat, agar masalah-masalah pentadbiran boleh dibincangkan dalam suasana yang lebih lega. Tidak dapat dinafikan bahawa masalah pentadbiran lebih senang diatasi sekiranya ada terjalin perhubungan rapat dan mesra antara pegawai-pegawai dari satu pejabat dengan pejabat yang lain. Perhubungan seperti ini membolehkan pegawai-pegawai dari satu pejabat terutama memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh rakan-rakannya di pejabat yang lain dan sama-sama memahami kehendak-kehendak rakyat. Saya gembira Persatuan

PTD ada merancang kegiatan-kegiatan seperti itu untuk memberi peluang-peluang kepada ahli-ahlinya menjalinkan perhubungan dengan kumpulan lain dan mereka palutlah menyertai dengan lebih giat dan aktif lagi segala kegiatan-kegiatan yang diatitkan oleh ahli-ahli Jawatankuasanya itu.

Saudara-saudara sekalian.

Begitu juga saya memandangi baik langkah mengatur lawatan di dalam dan luar negeri kerana lawatan-lawatan seperti itu adalah satu daripada cara mengetahui masalah-masalah di bahagian-bahagian lain Negara kita dan juga di negara-negara lain. Lawatan-lawatan ahli-ahli Persatuan ini ke Sabah dan Sarawak akan juga lebih mengeratkan perasaan muhibbah antara pentadbir-pentadbir di sana dengan pegawai Kerajaan Pusat dan negara-negara lain. Kerajaan sedia menyokong rancangan-rancangan seperti ini. Bagaimanapun saya berharap segala kegiatan ini hendaklah lebih ditumpukan kepada pegawai-pegawai yang akan dapat memperolehi sesuatu pelajaran atau pengalaman yang berguna dalam tugasnya supaya taraf perkhidmatan akan lebih tinggi dan lebih berkesan lagi.

Dalam ucapannya tadi, saudara Presiden ada menyebut tentang perkara-perkara dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai PTD terutamanya di peringkat bawah. Saya memanglah bersimpati dengan hal ini dan Kerajaan bersedia menimbangkan cara penyelesaian yang adil serta memuaskan hati pegawai-pegawai yang berkenaan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Presiden dan ahli-ahli Jawatankuasa serta anggota-anggota PTD sekalian kerana memberi penghormatan kepada saya menghadiri majlis jamuan tahunan yang meriah ini dan saya ucapkan selamat maju jaya kepada PPTD ini.